

Mahathir kawan setia Negeri Thai kata Bangkok Post

Dari MERVIN NAMBIAR

BANGKOK, Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ialah seorang kawan setia dan pragmatis dan Negeri Thai boleh mengharapkan hubungan persahabatan dan kerjasama penuh darinya, menurut akhbar harian berbahasa Inggeris, The Bangkok Post, hari ini.

Dalam tulisan lidah pengarang yang panjang lebar, akhbar itu mensifatkan Perdana Menteri Malaysia yang tiba di sini tengah hari ini untuk lawatan rasmi dua hari, sebagai salah seorang rakan Negeri Thai yang paling rapat yang telah mempesonakan para pemerhati dengan perjuangan dan kemunculan semula beliau dalam politik.

Akhbar itu berkata, jika salah faham yang ditimbulkan oleh para pemberita yang terlalu ghalib dan sumber-sumber yang tidak begitu tahu dihapuskan, seseorang itu akan mendapati Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin yang bekerja keras dan jujur, sesuatu yang paling sukar didapati dalam dunia politik yang ganas itu.

Akhbar itu menambah, malang sekali orang-orang asing yang jahil telah mensifatkan pemimpin Malaysia itu dan buku 'The Malay Dilemma' yang dituliskan pada tahun 1970, sebagai seorang pelampau perkaurman.

Dasar

"Setelah diamati, bagaimanapun, seseorang itu akan mendapati bahawa pengarang itu lebih mengkritik orang Melayu sendiri daripada kumpulan-kumpulan minoriti yang lebih bernasib baik dari segi ekonomi."

Akhbar itu menambah, sebagai seorang pragmatis yang berani, Datuk Seri Dr. Mahathir bersedia bekerjasama dengan pihak pembangkang termasuk PAS, walaupun beliau tidak setuju dengan pandangan parti itu dan pergantungannya kepada sentimen keagamaan untuk mendapat sokongan.

Harian itu juga mengancam mereka yang telah mengkritik dasar Malaysia terhadap orang pelarian.

The Bangkok Post berkata, tahun lalu Malaysia telah menyediakan perlindungan sementara bagi 159,629 orang pelarian manakala angka-angka yang dikeluarkan oleh agensi-agensi orang pelarian menunjukkan bahawa bulan lalu, Malaysia memberi perlindungan kepada orang pelarian yang kedua besarnya.

"Angka-angka ini sudah cukup sebagai bukti," tegas harian itu lagi.

Akhbar harian itu menambah, Datuk Seri Dr. Mahathir telah secara peribadi mengulangi pendirian Malaysia untuk memerangi pembebotan dan keganasan di sepanjang sempadan bersama kedua-dua negara selepas para pegawai kanan Thai berkata, mereka tidak puas hati dengan hasil mesyuarat

Jawatankuasa Am Sempadan baru-baru ini.

The Bangkok Post mengambil maklum bahawa Perdana Menteri, Jen. Tan Sri Prem Tinsulanonda telah menyokong kuat jaminan Datuk Seri Dr. Mahathir melalui Menteri Luar, Siddhi Savetsila. — Bernama

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No. Siri 67
No. Penerimaan.....